

Headline **Rumah pemulihan HIV perlu dana**  
Date **10 Oct 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian**  
Section **Selangor & KL**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **S10**  
Article Size **208 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,144**  
PRValue **3,432**



# Rumah pemulihan HIV perlu dana

**JALAN TEMPLER** – Darul Ukhwah merupakan sebuah rumah kebajikan yang memberi perlindungan, penjagaan dan pemulihan kepada pesakit-pesakit HIV muslim yang bernaung di bawah Yayasan Al-Ijabah.

Pusat perlindungan yang memulakan operasi sejak Ogos tahun lalu itu telah menerima seramai 46 pesakit HIV pernah menduduki pusat tersebut dan 15 daripadanya masih mendapatkan rawatan.

Pengurus Darul Ukhwah, Azme Rahman berkata, majoriti pesakit yang mendapatkan di pusat tersebut adalah dari salah sebuah gereja yang bertempat di Batu Arang, Selangor.

Menurutnya, penglibatan dan sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak seperti Majlis Aids Malaysia (MAC), Majlis Agama Islam Selangor (Mais) menjayakan lagi pengisian yang disusun kepada penghuninya bagi manfaat dan kebaikan.

“Oleh itu, pelbagai program dan aktiviti dilakukan bersama masyarakat bagi mengurang atau menghilangkan stigma masyarakat kepada pesakit-pesakit HIV, seperti hari ini ‘Majlis Amal Hi-Tea Aidilfitri Jangan Tinggal Daku.’

“Penghuni-penghuni ini perlu diberi peluang untuk terus menjalani kehidupan normal dan masyarakat perlu mengikis sikap diskriminasi mereka daripada terus membelenggu golongan tersebut,” katanya di sini semalam.

Yayasan Al-Ijabah yang menubuhkan Rumah Perlindungan HIV bagi membantu pesakit-pesakit meneruskan hidup yang selama ini disisihkan masyarakat kini ditempatkan sementara waktu di Petaling Jaya sementara kompleks tersebut di kampung Tengah, Puchong yang kini sedang dalam pembinaan siap.

Pada waktu ini kompleks yang hampir 30 peratus siap itu masih memerlukan RM300,000 lagi bagi pembina-



■ Mohamad Adzib (dua kiri) semasa merasmikan majlis tersebut.

naan tersebut.

Kos pembinaan yang agak tinggi itu turut dibantu Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) melalui Lembaga Zakat Selangor membantu meringankan bebanan pengurusan Darul Ukhwah Yayasan Al-Ijabah itu.

Katanya, rakyat Malaysia diharap dapat bersama menyumbang menjayakan projek Yayasan Al-Ijabah yang

akan melancarkan Lot Wakaf Darul Ukhwah yang boleh dibeli satu lot dengan harga RM10.

Penganjuran pembinaan Kompleks Yayasan Al-Ijabah ini bertujuan memudahkan pihak pengurusan membuat satu penyelarasan pentadbiran di antara rumah anak yatim al-hafiz dengan rumah perlindungan HIV Darul Ukhwah.